

Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu Dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra- Kolonial

The Historical Development Of The Malay Peninsula Economic And Malay Society Economic Nature Pre-Colonial Era

UQBAH IQBAL, NORDIN HUSSIN & AHMAD ALI SEMAN

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan juga sifat ekonomi masyarakat Melayu di kawasan Pantai Timur dan utara Semenanjung Tanah Melayu era pra-kolonial. Kaedah kajian yang digunakan adalah berdasarkan kaedah penelitian terhadap sumber-sumber yang diperoleh di perpustakaan dan Arkib Negara Malaysia. Objektif kajian adalah merungkai sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dari sudut perspektif dunia Melayu, sifat ekonomi masyarakat Melayu era pra-kolonial, dan kesan perdagangan antarabangsa ke atas ekonomi Semenanjung Tanah Melayu pada masa ini. Semenanjung Tanah Melayu menjadi fokus kajian kerana pembentukan ekonominya merupakan tunjang kepada pembentukan ekonomi Malaysia. Sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu akan memfokuskan kepada kawasan Pantai Timur dan utara. Sementara kajian-kajian yang diterbitkan oleh sarjana Barat lebih memberi penekanan terhadap negeri-negeri di kawasan Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, majoriti masyarakat Melayu pada masa itu tertumpu di kawasan Pantai Timur dan utara Semenanjung Tanah Melayu. Berbeza dengan hasil kajian sarjana Barat, kajian ini akan melihat sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan sifat ekonomi masyarakat Melayu dari sudut perspektif dunia Melayu itu sendiri. Ia membolehkan penyiasatan yang mendalam terhadap sejauh mana struktur sosioekonomi orang Melayu berubah hasil perdagangan antarabangsa. Hasil dapatan kajian menunjukkan masyarakat tradisional tempatan dilihat mempunyai kehidupan sosioekonomi yang tersendiri, dengan struktur politiknya berbentuk feudalisme serta terdiri daripada satu masyarakat tunggal sebelum kedatangan kolonialisme British.

Kata kunci: Ekonomi, masyarakat Melayu, perdagangan antarabangsa, pra-kolonial, Semenanjung Tanah Melayu

ABSTRACT

This study analyzes the historical development of the Malay Peninsula economic as well as the economic nature of the Malay community in the East Coast and Northern Malay Peninsula pre-colonial era. The method used is based on the screening methods of the resources that are available in the library and the National Archives of Malaysia. The study objective are to dismantling the historical development of the Malay peninsula economic from the perspective of the Malay world, the economic nature of the Malay community pre-colonial era, and the impact of international trade on the Malay Peninsula economic at this time. The Malay Peninsula became the focus of the study because of its economy is the cord to the formation of the Malaysian economy. The historical development of the Malay Peninsula economic will focus on the East Coast and the North. While studies published by the Western scholar more emphasis on the states on the West Coast of the Malay Peninsula, the majority Malay community at that time concentrated in the East Coast and Northern Malay Peninsula. In contrast to the study of the Western scholar, the study will look at the historical development of the Malay Peninsula economic and Malay society economic nature from the perspective of the Malay world itself. It allows in-depth investigations to the extent to which socio-economic structure of the Malays changing as a result of international trade. Findings showed that local traditional society has their own socio-economic life, with the political structure in the form of feudalism and consists of one single society before the arrival of British colonialism.

Keywords: Economic, Malay society, international trade, pre-colonial, Malay Peninsula

PENGENALAN

Populasi utama penduduk semasa zaman pra-kolonial Semenanjung Tanah Melayu terdiri daripada masyarakat Melayu¹ yang menetap di

sekitar kawasan pedalaman, dengan kelompok mereka yang lebih besar menetap di kawasan yang berhampiran dengan laut atau di pinggir sungai.² Golongan peribumi lain terdiri daripada kumpulan-kumpulan orang asli yang terlibat dalam aktiviti

memburu, mengumpul dan pertanian pindah. Kegiatan ekonomi masyarakat Melayu pada masa itu adalah bersifat jenis sara hidup yang mudah,³ berasaskan pada penanaman padi⁴ dan aktiviti perikanan.⁵ Tiada kegunaan lebih pada tanah, sekiranya jumlah populasi berkembang maka lebih banyak tanah akan dibuka untuk penanaman padi. Sebelum abad ke-15, padi ditanam kering melalui kaedah ladang (pertanian pindah). Teknik penanaman padi basah telah diperkenalkan ke kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu dari Siam pada abad ke-15.⁶ Teknik ini merebak perlahan-lahan ke kawasan lain di Semenanjung Tanah Melayu dalam empat abad seterusnya.⁷

Penangkapan ikan biasanya dilakukan untuk tujuan sara diri bagi memenuhi keperluan ahli keluarga. Sekiranya terdapat lebih hasil tangkapan ikan maka aktiviti pertukaran barangan akan dilakukan dengan penduduk yang menghasilkan barangan jenis lain seperti beras. Dengan ini masyarakat Melayu akan menukar ikan dengan beras dari kampung-kampung yang mengusahakan padi di kawasan pedalaman.⁸ Selain ikan, hasil laut yang turut diperoleh adalah mutiara dan agar-agar. Hasil ini akan dibuat perhiasan di rumah namun apabila keadaan terdesak, hasil tersebut akan ditukar dengan barangan lain berbentuk makanan dengan orang tengah.⁹ Untuk memperoleh sumber makanan yang berlebihan masyarakat Melayu telah menternak ayam, itik, menanam buah-buahan secara dusun seperti pisang, tebu, ubi kayu, kelapa dan pinang.¹⁰ Hal ini bertepatan dengan catatan China, di mana pada tahun 1419, telah ada orang Melayu yang menanam tebu, cempedak, pisang, labu, bawang, halia, tembikai dan lain-lain lagi. Di samping itu, semasa lawatan Abdullah Munsyi ke Kelantan beliau ada menyebut bahawa pada abad ke-15 masyarakat Kelantan telah mula menanam kelapa, pisang, keledak dan keladi.¹¹

Aktiviti perlombongan bijih timah juga dilakukan pada masa ini. Pada awalnya kegiatan ini dilakukan oleh masyarakat Melayu secara kecil-kecilan sahaja. Hal ini telah menyebabkan hasil pengeluarannya sangat sedikit serta kawasan perlombongan emas yang diterokai juga adalah dalam jumlah yang terlalu kecil. Mereka melakukan aktiviti tersebut hanyalah untuk tujuan sara diri sahaja. Terdapat juga aktiviti memungut hasil hutan seperti akar kayu, kayu baru, rotan, kayu cendana, damar, lilin serta buah-buahan. Apabila hasil-hasil hutan ini berlebihan maka mereka akan menukarnya dengan orang lain bagi mendapatkan pakaian atau makanan seperti beras.¹²

Aktiviti penternakan juga turut dilakukan. Ia merupakan aktiviti sampingan selain aktiviti bersawah padi dan menangkap ikan. Di antara bintang ternakan ini seperti lembu dan kerbau. Ia digunakan untuk membantu urusan pekerjaan seperti membajak sawah serta menarik kayu. Aktiviti memburu juga turut dilakukan seperti memburu kancil, rusa, seladang dan ayam hutan.¹³ Masyarakat Melayu turut mengamalkan kerja-kerja kemahiran di antaranya seperti bertukang, menganyam, menghasilkan kraf tangan, pelbagai jenis alat senjata dan membuat perahu. Antara alat senjata yang digunakan ialah keris, lembing, pedang, pisau dan kapak. Kemahiran bertenun juga diamalkan oleh golongan wanita Melayu di Terengganu. Manakala di Kelantan pula masyarakat Melayu terkenal dengan pengeluaran kain sarung, logam, ukiran kayu dan periuk belanga yang diperbuat daripada tanah.¹⁴

Perubahan paras laut pada zaman Plestosen yang berlaku lebih beribu-ribu tahun dahulu telah membawa perubahan dan perpecahan terhadap satu rumpun etnik dan budaya kepada unit budaya dan kelompok manusia yang lebih kecil.¹⁵ Perubahan ini telah membawa masyarakat Melayu menyesuaikan diri dengan alam persekitarannya, sehinggakan lahir satu kehidupan masyarakat Melayu yang mahir dalam ilmu pelayaran dan telah mewujudkan tamadun Melayu yang tertumpu di kawasan pesisiran. Hasil kemahiran dalam ilmu pelayaran ini telah menyebabkan berlakunya perpindahan idea dan hubungan perdagangan di kawasan Asia Tenggara, khususnya Kepulauan Melayu.¹⁶ Hubungan di antara negeri awal di Asia Tenggara dengan India juga mungkin lahir daripada kepantasan bangsa Melayu sebagai pedagang laut. Oleh kerana kapal-kapal China belum lagi berupaya mengharungi Laut India, maka kapal pedagang bangsa-bangsa di Asia Tenggara yang membawa mereka ke India di abad-abad sebelum abad keempat.¹⁷

Penemuan artifak seperti tulang, batu dan sisa makanan penghuni di gua di rantau Asia Tenggara termasuk di Malaysia telah menunjukkan adanya sebaran kebudayaan pada zaman prasejarah.¹⁸ Orang Melayu yang merupakan ahli pelayaran yang mahir telah membolehkan mereka berhubung dengan negara luar dalam urusan perdagangan. Keadaan ini menjadikan rantau Melayu sebagai satu kawasan perdagangan yang menjadi tumpuan saudagar India, Arab dan China.¹⁹ Terdapat sumber maklumat China yang menyebut bahawa Yau-Chu-Li merupakan nama kepada Semenanjung Tanah Melayu yang merupakan pusat pelabuhan dan perdagangan

dengan India semenjak abad sebelum Masihi lagi.²⁰ Mengikuti catatan Sanskrit pula, kuil kecil Hindu juga telah dibina di Kataka,²¹ iaitu Kedah sekarang, lebih kurang pada abad pertama lagi. Berdasarkan sumber catatan itu juga, kerajaan Melayu telah berkembang di Selatan Segenting Kra.²²

Keadaan Semenanjung Tanah Melayu yang strategik²³ menjadikannya tempat pertemuan bagi pedagang dari India dan China untuk berdagang dan mengunjunginya.²⁴ Kepentingan Semenanjung Tanah Melayu sebagai pusat perhubungan di rantau Melayu adalah seperti berikut:

*As a result of these geographical and climatic factors, the Malay Peninsular was drawn into world history and as early as the 6th century BC, Indian literature and Chinese annals spoke of the Peninsular as the land with water on the two sides.*²⁵

Ciri-ciri sebuah ladang orang Melayu pada masa ini terdiri daripada beberapa ekar kawasan padi dan sebuah rumah kecil yang menanam beberapa jenis sayur-sayuran, buah-buahan dan rempah.²⁶ Sebelum kedatangan British, setiap negeri atau wilayah di Semenanjung Tanah Melayu adalah diperintah bebas oleh sultan atau rajanya yang tersendiri.²⁷ Ekonomi mereka bersifat feudal,²⁸ iaitu berasaskan kepada aktiviti pertanian dan kraf tangan, dengan rakyat sedia berkhidmat untuk pemerintah dan juga aktiviti percukaian berlaku ke atas mana-mana kegiatan eksport dan import. Sistem sungai merupakan asas kepada komunikasi dalam negeri.²⁹ J.M. Gullick telah menghuraikan akan sifat-sifat ekonomi raja-raja Melayu pada ketika itu:

*A chief's interest in diverting the economic surplus of his district into his own hands was to channel essential resources into his control and out again rather than to retain them for personal consumption or accumulation of capital. His privileged position consisted not in exceptional consumption of goods but in exceptional control of services... To command those services he had to be able to feed those who rendered them. There was an inflow of goods and money to the chief in the exercise of the political function of taxation and an outflow in the requital of services essential to the maintenance of his political position.*³⁰

Negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu telah lama terlibat dalam aktiviti perdagangan luar mereka sendiri tetapi yang lebih penting, pelabuhan pantai mereka berada dalam kedudukan penting bagi aktiviti perdagangan yang lebih besar antara Hindia Timur,³¹ Eropah, India dan Cina.³² Sebelum kedatangan British, jalan perdagangan ini telah dikuasai oleh Belanda, Portugis dan masyarakat

Melayu yang berpangkalan di Melaka dan Jawa. Terdapat juga pengaruh Siam dan Perancis.³³ Kunci kepada dominasi jalan perdagangan ini adalah kuasa laut, berdasarkan kepada jumlah pelabuhan pantai di Semenanjung Tanah Melayu dan Hindia Timur. Kedudukan Selat Melaka yang strategik menyebabkan pihak yang dapat mengawalinya akan mengawal kegiatan perdagangan antara India dan Timur Jauh.³⁴

Sebelum kuasa-kuasa Barat menguasai negeri-negeri Melayu pada abad ke-19, masyarakat Melayu amat aktif dalam kegiatan perdagangan di perairan Nusantara.³⁵ Malahan pada abad ke-16 dan lebih awal dari itu, rekod-rekod China dan laporan pengembara Barat pernah mendapati adanya kapal-kapal pedagang Melayu dan Jawa yang menjalankan kegiatan perdagangan ke Afrika Timur, Madagascar, Aden dan China. Di perairan Melayu, orang Bugis pernah terkenal sebagai kaum pelayar dan pedagang yang dapat menandingi pedagang Belanda.³⁶ Di bawah pemerintahan Kesultanan Melaka,³⁷ Melaka pertama kali mencapai kegemilangannya.³⁸ Kapal-kapal yang melalui Selat Melaka akan berlabuh di pelabuhan Melaka di mana cukai akan dikenakan dan perkhidmatan akan diberikan.³⁹ Dengan kedudukan Selat Melaka yang sempit,⁴⁰ ia adalah mudah untuk menarik kapal-kapal asing mengunjunginya. Sebagai sebuah pelabuhan yang mempunyai pelbagai kemudahan,⁴¹ Melaka telah menjadi sebuah pelabuhan entrepot bagi jalan perdagangan India-China. Musim monsun barat daya sekitar bulan Mei hingga Oktober akan membawa kapal-kapal dari India ke Melaka dan musim monsun timur laut sekitar bulan Disember hingga Januari akan membawa kapal-kapal dari China ke Melaka.⁴²

Pada masa ini pedagang-pedagang dari China, India, Arab dan Jawa terlibat dalam aktiviti perdagangan di Melaka. Antara barangan yang diperdagangkan termasuklah gula, sutera dan lain-lain keluaran bermutu tinggi, perak dan mutiara, porselin (dari China), kain, candu, pewarna, besi, simfoni (dari India), rempah (buah pala, bunga cengkih, lada, cokmar), timah, emas, kapur barus, cendana dan kraf tangan (dari Sumatera, Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu).⁴³ Di Pantai Timur pula, kerajaan Siam menempatkan pegawai-pegawainya di Kuala Sungai Pahang untuk mengawal dagangan yang terdiri daripada hasil-hasil hutan dan bijih timah.⁴⁴ Hasil import yang penting untuk kegunaan Melaka adalah makanan, terutamanya beras. Jadual tugas pelabuhan ditetapkan hanya kepada warga asing dan ia ditadbir dengan adil dan cekap oleh pegawai-pegawai Melayu.⁴⁵ Kelancaran ini menggalakkan

keyakinan dan pertumbuhan selanjutnya dalam perdagangan di Melaka. Selain duti pelabuhan dan pendapatan entrepot, Kesultanan Melaka juga mengaut pendapatan lain hasil sumbangan dari negeri-negeri jiran.⁴⁶ Sebagai balasan, negeri-negeri ini akan mendapat perlindungan dari Kesultanan Melaka.⁴⁷

Singapura pada asalnya adalah sebahagian daripada tanah jajahan kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga. Nama asalnya ialah Temasik, dan merupakan sebuah perkampungan nelayan Melayu. Berdasarkan *Sejarah Melayu*, Temasik telah dibuka oleh Sang Nila Utama pada tahun 1299. Sumber China pula menceritakan bahawa pada tahun 1349 pulau itu diperintah oleh seorang raja yang bernama Tamagi. Sultan Iskandar Syah (Parameswara) pernah menjadi pemerintah di pulau ini selama lebih kurang lima tahun (1391-1397) sebelum pembukaan Melaka.⁴⁸ Setelah kerajaan Melayu Melaka ditubuhkan, Temasik kekal sebagai tanah jajahannya.⁴⁹

Kemunculan Melaka sebagai sebuah pelabuhan entrepot dan pelabuhan antarabangsa juga menarik kedatangan pedagang Jepun walaupun hanya sekali sekala. Untuk membuktikan hubungan tersebut wujud ialah ketika zaman pemerintahan Sultan Mansor (1477-1488) di mana baginda telah mengirim dan menerima surat daripada Raja Ryukyu di Jepun.⁵⁰ Adalah sukar untuk menentukan tarikh sebenar kedatangan orang Jepun ke Asia Tenggara. Namun begitu pada abad ke-16, dikatakan telah wujud hubungan antara Melaka dan Jepun melalui ketibaan Francis Xavier, seorang mubaligh Jesuit bersama dengan Anjiro seorang Samurai Satsuma. Pada masa ini muncul komuniti kecil orang Jepun yang menetap di Asia Tenggara, golongan ini dikatakan telah membantu pedagang Eropah seperti Portugis untuk pergi ke Jepun. Terdapat juga perkampungan Jepun di Maluku, Kalimantan, Filipina, Sulawesi, Jawa, Siam dan Semenanjung Tanah Melayu. Setelah Jepun diperintah oleh Syogun Tokugawa, maka hubungan kedua negara menjadi terhad. Keadaan ini disebabkan Syogun Tokugawa menjalankan dasar pengasingan atau dasar tutup pintu⁵¹ kepada negara asing. Hubungan yang wujud pada masa itu hanyalah melalui pedagang-pedagang China. Selain daripada itu, terdapat juga lawatan perdagangan rasmi kerajaan Jepun ke Melaka yang dikenali sebagai *Goshusen*.⁵²

Pedagang Eropah mula memasuki Asia Tenggara pada abad ke-16. Portugis⁵³ melihat Melaka sebagai penempatan strategik dan pusat perdagangan rempah. Mereka menguasainya pada tahun 1511.⁵⁴

Selama hampir satu abad, Portugis memonopoli perdagangan di Melaka. Pentadbiran Portugis dilihat jauh lebih buruk daripada orang Melayu,⁵⁵ kerap kali berlaku masalah ketidakcekapan dan rasuah.⁵⁶ Ini menyebabkan pengurangan jumlah perdagangan dan serangan dari Aceh. Sekitar abad ke-16 dan 17, Belanda berusaha untuk memasuki perdagangan rempah. Sebelumnya, mereka telah membeli produk Timur daripada Portugis, tetapi telah diusir keluar dari pelabuhan Portugis pada tahun 1594.⁵⁷ Ini menyebabkan Belanda bertekad untuk mengambil alih Melaka yang bukan sahaja membolehkan mereka untuk memonopoli perdagangan di Selat Melaka daripada Portugis, tetapi juga memberikan mereka pengaruh dan hasil daripada negeri-negeri Melayu.⁵⁸ Melaka jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641,⁵⁹ tetapi mereka mendapati ia sukar untuk menguatkuasakan monopoli mereka. Kebanyakan kapal dari Eropah kini mengelak Melaka dengan belayar di Selat Sunda (antara Jawa dan Sumatera). Pedagang Melayu yang berdagang dengan orang India dan Moor dari segi pengeksportan timah dan rempah serta pengimportan kain akan mengelak tol Melaka dengan belayar di laluan alternatif, menghantar barangan melalui darat dan juga mengelak sekatan Belanda di Selat Melaka.⁶⁰

Britain juga merasakan betapa perlunya mereka menubuhkan pangkalan di kawasan Hindia Timur. Ini kerana kegiatan perdagangan antara Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) dan China yang telah berkembang pesat,⁶¹ dan kapal-kapal British memerlukan sebuah pelabuhan di laluan itu.⁶² Kegiatan perdagangan antara SHTI dan China telah menerima galakan besar apabila Britain mengurangkan jumlah duti import ke atas teh China daripada 100 peratus kepada 12.5 peratus⁶³ pada tahun 1784. Britain juga mengalami kekurangan perak (bayaran cara tradisional yang diterima oleh China) dalam melakukan perdagangan dengan China yang sebahagian besarnya melalui sistem barter.⁶⁴ Ia akan menjadi lebih mudah untuk British mempunyai sebuah pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu yang berdekatan dengan sumber bijih timah, lada, dan sumber-sumber lain yang boleh digunakan dalam sistem barter untuk teh China.⁶⁵

Britain juga memerlukan sebuah pelabuhan untuk tentera lautnya melindungi para pedagang British daripada kegiatan lanun dan mengendalikan operasi terhadap Perancis⁶⁶ di luar pantai India. Dengan adanya pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu juga akan menawarkan peluang kepada British untuk memecahkan monopoli perdagangan Belanda di rantau ini. Untuk menjalankan kegiatan

perdagangan yang besar di rantau Timur, sama ada secara langsung ataupun entrepot, ia adalah perlu untuk menyediakan kemudahan pelabuhan. Ia juga perlu untuk menyediakan restoran atau tempat rehat untuk para pedagang dan pos-pos pengawal untuk melindungi mereka. Dalam era di mana perdagangan antarabangsa adalah berteraskan kawasan laut, dan dengan persaingan sengit antara Britain, Perancis, Belanda dan Sepanyol dalam perdagangan Timur, pos-pos pengawal dan restoran juga adalah penting sebagaimana pelabuhan perdagangan.⁶⁷

KAWASAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Kawasan perairan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu telah menjadi sebuah kawasan perairan yang penting bagi kegiatan perkapalan sejak dari zaman awal perdagangan maritim di Asia. Kawasan perairan ini berfungsi dalam dua bentuk. Pertama, ia menjadi nadi perhubungan bagi kegunaan masyarakat di sekitar Asia Tenggara khususnya di Indochina dan juga selatan China. Kedua, laluan ini menjadi laluan perdagangan bagi pedagang yang berurusan antara Timur dan Barat atau antara India dan China. Kewujudan laluan laut bagi kapal-kapal ini adalah disebabkan oleh kewujudan kerajaan-kerajaan maritim seperti Chih-Tu, Lo-yueh (Johor) dan Chieh Cha (Kedah). Kerajaan-kerajaan berkenaan wujud sebagai bandar pelabuhan bagi kegiatan perdagangan. Kegiatan perdagangan ini menjadi semakin penting apabila semakin ramai pedagang-pedagang dari China, India, Parsi dan Arab mula menggunakan laluan ini.⁶⁸

Adalah dipercayai bahawa laluan di perairan Laut China Selatan ini sudah pun digunakan oleh kerajaan Cham dan empayar China. Penemuan artifak daripada kapal-kapal yang tenggelam membuktikan bahawa laluan ini pernah digunakan oleh kapal-kapal pemerintahan empayar China. Namun demikian, maklumat mengenai kegiatan maritim kawasan Pantai Timur adalah terhad dan lebih banyak bergantung kepada sumber-sumber pengembara China.⁶⁹ Kepentingan laluan laut sekitar kawasan Laut China Selatan dilihat berhubung rapat dengan pembentukan kerajaan-kerajaan awal semasa awal abad yang bercirikan kerajaan maritim. Ahli-ahli arkeologi percaya kegiatan perdagangan melibatkan kawasan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu sudah mula berkembang semenjak abad pertama lagi.⁷⁰

Dari sudut sejarah dan tamadun, orang Melayu merupakan satu golongan pelaut dan pedagang yang pernah menjadi kuasa yang dominan. Kerajaan Melayu Segenting Kra dan juga di Pantai Timur, khususnya Kelantan dan Terengganu merupakan pusat pelabuhan dan perdagangan kepada pedagang luar seperti China, India dan Arab.⁷¹ Penggunaan laluan maritim Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu menjadi bertambah penting ketika zaman keagungan perdagangan maritim bermula abad ke-14 hinggalah abad ke-16. Kepesatan ini berpunca daripada peningkatan hubungan perdagangan antara China dan India termasuklah daripada kumpulan pedagang-pedagang Arab.

Penggunaan kapal layar memakan masa yang panjang serta memerlukan kapal-kapal singgah ini mendapat sumber bekalan dan air bersih di sekitar Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu.⁷² Ini menyebabkan Pulau Tioman menjadi pelabuhan penting pada zaman ini. Pembukaan dan kemajuan Melaka pada abad ke-14 sebagai pelabuhan entrepot dan bandar perdagangan bagi kapal-kapal dan pedagang-pedagang yang belayar dari pelabuhan India dan Ceylon ke China dan lain-lain pelabuhan di Asia Tenggara telah meningkatkan penggunaan kapal di perairan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu.⁷³ Malahan laluan perairan laut Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu digunakan oleh kapal-kapal yang belayar dari Siam dan tanah besar Asia Tenggara. Laluan ini juga digunakan oleh kapal-kapal dari China untuk datang berdagang ke Melaka.

Apa yang lebih menarik untuk membuktikan kepentingan jalan laut Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu ialah mengenai peranan yang dimainkan oleh Pulau Tioman. Sumber-sumber bertulis dan tinggalan seramik di pulau ini membuktikan bahawa pulau ini adalah pelabuhan purba yang diminati oleh kapal-kapal yang terlibat dalam perdagangan maritim. Jumpaan arkeologi juga selari dengan catatan penulisan Arab pada abad ke-9 dan 10 yang menyatakan pulau ini membekalkan kayu, beras, sandal kayu, sarang burung dan kelapa kepada pedagang yang singgah. Pandangan ini disokong oleh Leong Sau Heng, ahli arkeologi Malaysia yang berpendapat Pulau Tioman berperanan penting membekalkan makanan kepada pelayar-pelayar yang berhenti di sini.⁷⁴ Dalam masa yang sama, pulau ini juga terkenal dalam membekalkan kayu gaharu dan kapur barus yang bermutu tinggi. Namun demikian kesemua bahan ini kecuali kelapa tidak dihasilkan oleh Pulau Tioman, sebaliknya ia adalah barangan yang dibawa masuk ke pulau ini oleh pedagang-pedagang dari

sekitar Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu.⁷⁵ Peranan Pulau Tioman terus menjadikan perairan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu penting sekitar abad ke-9.

Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu juga adalah kawasan awal yang menerima Islam, sejak abad ke-10. Penemuan mata wang dinar di Kelantan bertarikh 577 H (tahun 1181M)⁷⁶ dan penemuan prasasti Terengganu bertarikh 702 H (tahun 1303M)⁷⁷ jelas membuktikan kawasan Pantai Timur menerima Islam dan sudah mempraktikkan ajaran Islam. Ini boleh dilihat dalam prasasti Terengganu yang telah menulis kanun Islam untuk rakyatnya. Kanun ini ditulis dalam huruf Jawi yang cantik dan terang. Kelantan pula telah memakai mata wang dinar. Malah sehingga ke hari ini rakyat Kelantan masih menyebut rial untuk ringgit.⁷⁸ Sehingga abad ke-17 hubungan dengan pedagang dan pendakwah Arab masih berlaku, sehingga nama Raja Puteri Kelantan yang bernama Wan Kembang (1610-1677), akhirnya menerima gelaran baru iaitu Paduka "Siti" yang bererti Raja Perempuan. Nama ini dicadangkan oleh seorang saudagar Arab, yang juga pendakwah Islam. Nama ini berkekalan dengan nama Cik Siti Wan Kembang.⁷⁹

Kawasan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu ini sudah lama terkenal kepada mata penjelajah dunia seperti China dan Arab. Seorang sejarawan China, Chau Ju-Kua telah mencatatkan nama Fo-lo-an di Tenggara Asia sebagai pusat perniagaan China dan Arab. Sama ada Fo-lo-an itu di Kuala Berang atau di Kelantan, nama ini membuktikan perhubungan dengan Islam. Marco Polo, pengembara Itali, dalam perjalanannya ke China pada tahun 1292 telah singgah di suatu tempat bernama "Lokak". Nama "Lokak atau "Lokok" dalam sebutan orang Kelantan, merupakan satu perkampungan nelayan yang terbesar di pantai Kelantan. Pada tahun 1297, Ibnu Battuta dalam pelayarannya dari India ke China, telah melawat sebuah negeri di Tenggara Asia yang bernama Kilu Krai, yang tidak lain adalah Kuala Krai sebuah jajahan dalam Kelantan.⁸⁰ Semua tempat yang disebut itu membuktikan kawasan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu ini sudah terkenal sejak abad ke-13, atau lebih awal lagi.⁸¹

Patani yang termasuk Wilayah Timur Laut, telah membina peradaban dalam bentuk sastera kitab yang sangat mempengaruhi pelajar Kelantan. Kitab-kitab ulama Patani menjadi teks dalam kebanyakan pondok di Kelantan sehingga kini. Isi peradaban inilah yang memberi kesan penting kepada penghuni Pantai Timur untuk tidak mudah terpengaruh dengan

segala limpahan hedonisme⁸² dari Barat, yang melanda bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru.⁸³

KELANTAN

Kedudukan Kelantan yang terletak di kawasan Segenting Kra, iaitu satu kawasan perdagangan yang penting telah menjadikan Kelantan kawasan yang sering dikunjungi. Dalam masa yang sama, Kelantan ialah satu kawasan yang terdedah kepada hubungan luar dengan China, India dan Arab. Kunjungan ini juga menjadi semakin penting setelah Kelantan yang terletak di Segenting Kra menjadi satu kawasan pertukaran barangan seperti cengkik dan rempah serta hasil hutan dengan barangan lain dari China, India dan Arab.⁸⁴ Kelantan juga menjadi kawasan tumpuan kerana kawasannya yang kaya dengan emas dan keadaan ini menyebabkan Semenanjung Tanah Melayu dikenali sebagai *Suvarnabhumi* (Bumi Emas) oleh para pedagang India zaman silam.⁸⁵ Claudius Ptolemy, seorang ahli geografi, ahli astrologi dan ahli kaji bintang Greek yang terkemuka pula telah menggelar Semenanjung Tanah Melayu sebagai *The Golden Chersonese* (Semenanjung Emas).⁸⁶

Antara kawasan bijih emas di Kelantan ialah Lembah Galas, terutama di Kampung Pulau dan di daerah Sohor (Tanah Merah). Dua kawasan ini juga merupakan kawasan lalu lintas kebudayaan.⁸⁷ Terdapat juga kesan-kesan perlombongan emas semasa zaman purba di kawasan Ulu Sungai Kelantan.⁸⁸ Kawasan lombong emas di Ulu Sungai Kelantan, ialah kawasan sekitar Ulu Galas dan Sungai Nenggiri (Sungai Jenera dan Sungai Wias) dan kawasan yang menghala ke timur laut ke kawasan Sungai Setong, Sungai Mempelam dan kawasan yang terletak ke utara iaitu kawasan yang terletak di timur Sungai Pergau (Sungai Jintiang dan Sungai Sokor). Juga kawasan di barat laut iaitu kawasan sekitar Sungai Tadoh yang menghala ke Tomoh yang terletak di Ulu Sungai Telubun (Sungai Sai dan Sungai Ia). Kawasan Ulu Belom dan Ulu Sungai Patani juga di antara kawasan yang dipercayai kaya dengan lombong emas. Kawasan-kawasan itu tersebar dari kawasan lombong emas yang terkenal pada satu ketika dahulu iaitu di Raub, Pahang. Logam emas itu boleh dilombong melalui teknik tradisional.⁸⁹

Emas telah dilombong di Kelantan sejak zaman awal lagi. Kebanyakan lombong berada di bawah kawalan orang-orang Cina yang menduduki daerah-

daerah pengeluaran emas. Daerah perlombongan yang paling terkenal ialah Pulau. Namun pembunuhan beramai-ramai yang berlaku di Pulau pada abad ke-19⁹⁰ telah menyebabkan lombong-lombong di kawasan itu ditinggalkan. Pelombong-pelombong yang terselamat hanya pulang semula ke lombong-lombong tersebut beberapa tahun kemudian. Kawasan ini dan kawasan-kawasan lain telah disatukan ke dalam satu kawasan konsesi perlombongan yang besar yang diberikan oleh Sultan Muhammad II kepada orang-orang Eropah. Sementara orang-orang Cina telah menjadi kaya dengan menggunakan kaedah-kaedah primitif, mengeluarkan habuk emas sehingga bernilai lebih \$200,000 setahun, orang-orang Eropah telah membunuh perusahaan tersebut dengan menggunakan alat-alat mahal yang melibatkan perbelanjaan perdagangan yang tinggi.⁹¹

Bijih timah merupakan satu eksport Kelantan yang penting. Jumlah yang banyak telah dihantar sebagai hadiah-hadiah dan ufti ke Siam.⁹² Pada tahun 1839 Sultan Muhammad II telah menghantar 132 pikul bijih timah ke Siam. Menurut W.A. Graham, Penasihat British di Kelantan, orang-orang Cina yang merupakan pelombong-pelombong bijih timah di Kelantan menjumpai bijih timah tetapi enggan mengusahakannya kerana disebabkan oleh kesukaran pengangkutan, 'ketidakselamatan' harta benda dan nyawa dan ketamakan kaum bangsawan yang membahagikan hak melombong di kalangan mereka.⁹³

Semasa abad ke-19, Kelantan adalah sebuah negeri yang makmur dan ramai penduduknya. Jumlah penduduknya dianggarkan antara 30,000 ke 50,000 orang termasuk beberapa ribu orang Cina. Hasil keluaran utamanya ialah emas, bijih timah, lada hitam, pinang, beras, *gutta percha*, rotan, buluh, kayu gaharu dan kain songket. Perkembangan ekonomi Kelantan sebelum kedatangan British dikuasai oleh golongan pembesar dan sultan.⁹⁴ Rakyat jelata hanya bertugas menjalankan kegiatan ekonomi golongan tersebut sahaja.⁹⁵ Kenyataan ini dapat dilihat dari corak ekonomi yang diusahakan. Golongan rakyat biasa hanya menjalankan kegiatan ekonomi pertanian serta amalan pertanian seumur hidup. Jika dilihat dari segi perkembangan ekonomi perdagangan, golongan pembesar didapati memainkan peranan utama.⁹⁶ Kedudukan Kota Bharu sebagai pusat kegiatan eksport dan import adalah sesuai kerana ia terletak di tebing sungai Kelantan.⁹⁷

Kota Bharu juga mempunyai hubungan perdagangan dengan Siam dan Singapura serta beberapa bandar pesisir yang berhampiran, misalnya

Pattani dan Singora. Berdasarkan beberapa sumber, Robert membuat pemerhatian bahawa eksport utama Kelantan ialah kelapa dan kelapa kering, kerbau, lembu dan ternakan lain, beras, belulang, pinang, ikan kering, getah dan damar.⁹⁸ Catatan-catatan dari awal abad ke-19 menyatakan bahan galian seperti bijih timah dan emas sebagai sebahagian daripada eksport Kelantan. Tetapi kepentingan galian-galian ini sebagai bahan eksport mula menghilang menjelang penghujung abad itu.⁹⁹ Menurut Skinner, eksport utama Kelantan ialah kelapa kering, beras, damar, getah perca dan sebagainya. Barang-barang tersebut telah dieksport sama ada ke Singapura ataupun Siam.¹⁰⁰ Menurutnyanya:

*"Almost all were exported to Singapore except coconuts to Bangkok and betel-nut to Pattani"*¹⁰¹

Di samping itu Kelantan juga mengimport pelbagai barangan keperluan seperti gula, kapas dan sebagainya. Import-import utamanya ialah barang-barang kapas dari India dan British, sutera mentah dari China, benang yang dicelup, garam, gula, minyak, candu, tembakau dan bekalan-bekalan am.¹⁰² Menurut Skinner lagi:

"The main imports of Kelantan were cotton, goods, dyed threads, timber, gambier, tobacco, sugar, salt, kerosene oil and silk".¹⁰³

Kegiatan eksport dan import ini bersifat tidak sistematis kerana ia hanya dilakukan di kalangan pembesar dan pentadbir jajahan. Mereka mengendalikan urusan ini dengan menggunakan sampan pukat.¹⁰⁴ Kelantan pada masa itu sudah pun menggunakan sistem mata wang.¹⁰⁵ Dari segi perkembangan ekonomi pertanian, terdapat pelbagai hasil pertanian seperti padi, pinang, kelapa, sayur-sayuran dan sebagainya.¹⁰⁶ Masyarakat Melayu mengusahakan kegiatan pertanian secara sara diri.¹⁰⁷ Namun kegiatan penanaman getah dan penternakan lembu telah diusahakan secara besar-besaran di Kelantan pada abad ke-19.¹⁰⁸ Masyarakat Melayu Kelantan juga menjalankan aktiviti penangkapan ikan. Ianya dijalankan oleh masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan pesisiran pantai. Menjelang akhir abad ke-19 tidak terdapat perubahan yang besar dalam cara penangkapan ikan.¹⁰⁹

Hasil hutan berupa kayu-kayuan juga terdapat dengan banyaknya di hutan-hutan Kelantan. Antaranya ialah cengal dan tembusu di bukit-bukau, merbau, giam, meranti, kulim, balau dan kelat di kawasan-kawasan datar dan glam di kawasan-kawasan rendah. Kayu yang paling berharga ialah kayu cengal. Namun kekayaan hutan-hutan di

Kelantan tidak banyak diusahakan. Kayu cengal diimport dari Pahang dan kayu-kayu yang lebih murah dari Singapura. Walau bagaimanapun, Syarikat Pembangunan Duff telah membangunkan sebuah kilang papan yang menggunakan kuasa wap pada tahun 1906.¹¹⁰

Pengeluaran hasil hutan tidak menjadi pilihan masyarakat Melayu yang biasa dengan kehidupan di tanah datar, tidak biasa berada di dalam hutan untuk mencari sara hidup dan royalti yang biasa dituntut oleh raja mereka akan mengurangkan keuntungan mereka ke peringkat paling bawah. Dalam bidang pembuatan atau perkilangan pula, lapangan yang banyak sekali diceburi mereka ialah dalam perusahaan batik, pertukangan emas dan perak dan menenun songket.¹¹¹ Kebanyakan aktiviti yang dilakukan adalah aktiviti keluarga dan ini menjadi satu budaya sejak dahulu lagi.¹¹² Aktiviti perusahaan keluarga ini merupakan aktiviti yang dilakukan dalam keluarga atau oleh setiap ahli keluarga. Dalam aktiviti ini, setiap ahli keluarga berfungsi sebagai unit pengeluaran yang penting, menjadi satu aktiviti sara diri sebagai hak turun temurun.¹¹³

Masyarakat Melayu Kelantan juga menjalankan kegiatan perdagangan. Menurut Abdullah Munsyi yang melawat Kelantan pada tahun 1838, beliau menyatakan bahawa barang-barang yang dijual di pasar-pasar pada masa itu adalah seperti berikut:

“maka saya lihat dalam pasar ini segala jenis hulam (ulam) dan sayur dan sambal dan nasi gulai yang sudah sedia: tetapi yang sahaya lihat dalam pasar itu kebanyakan perkara makanan yang busuk-busuk seperti pekasam, dan tempoyak dan ikan asin dan siput asin dan jering dan petai dan banyak jenis sambal-sambal belacan dan ikan dan segala kerangan laut dan pucuk-pucuk kayu”¹¹⁴

Di Kampung Lalat, Norman menyatakan bahawa “*it was more inclined to cottage industries. The most notable was an earthenware industry, where pots and vessels of singularly shape were made*”.¹¹⁵ Di Tanah Merah, Norman menyatakan bahawa beliau melihat “*signs of life and commerce, many trading boats being tied up, at the foot of a high bank*”. Pusat perniagaan kampung itu terdiri daripada “*a dozen stalls offering cotton sarungs, matches, cakes... and hundred odds and ends...*”¹¹⁶ Mengenai kegiatan perniagaan di Kota Bharu pula, Laidlaw menyatakan bahawa:

I found the shopping centre of the town fascinating. There, one could see beautiful locally-made sarungs, along with imported cotton and silk cloths, generally, unfortunately, markedly inferior in colour and texture; native sweet-meats; tin and brassware from

*Brunei, Trengganu and Birmingham; Japanese and Chinese tools and knives; gold ornaments locally made; Sireh boxes, fruits and poultry. The traders were of wide origins, Malays, Chinese, Arabs and Indians.*¹¹⁷

Peranan kaum wanita di Kelantan dalam bidang ekonomi juga amat luas. Ini dinyatakan oleh Munsyi Abdullah tatkala melawat Kelantan:

Kemudian maka bertemulah sahaya dengan oang menjual bunga melor bercucuk-cucuk terlalu banyak, ada kira-kira segantang atau dua gantang, harganya tiga pitis maka apabila petanglah hari maka kelihatanlah beratus-ratus perempuan, seorang satu bakul hendak dibawanya ke pasar, maka adalah di dalam bakul itu serba jenis makanan dan sayuran dan pisang, tebu dan segala jenis hulam-hulam dan sebagainya. Maka sahaya lihat penuhlah pasar itu dengan perempuan dan segala yang berkedai dan berjaja itu perempuan belaka. Maka adalah tempat mereka berkedai itu pondok-pondok atap berkeliling kiri kanan.¹¹⁸

Pandangan yang sama juga dilontarkan oleh W.A. Graham, seorang pentadbir British. Beliau telah menulis:

*Being a Mohammadan country one might expect to find the female part of the population confined to the houses or allowed to go abroad only on rare occasions and when they do so they are carefully veiled from the vulgar eyes. Customs, however had decreed quite otherwise, and as regards the position of women, the Kelantanese follow the customs of their Siamese, Burmese, Cambodian and other Mongolian neighbours rather than the sterner precepts of their adopted religion. The women move about with perfect freedom, buying and selling in the markets and in the shops, visiting their friends and assisting their husbands in their agricultural pursuits and except for the wearing of kelumbong, which burlesque in the only concession to Islam, their habits and manners are scarcely to be distinguished from the usually modest behaviour of the females of other Indon-Chinese races.*¹¹⁹

Ini disokong pula oleh pendapat Frank Swettenham:

*The people of this place have certain peculiar custom of which it may mentioned that though they are Mohammadans the women move about as freely as men, they mind the shops and deal with the customers. They weave the silk sarongs for which Kelantan is famous and they do as much carrying and marketing, gossiping and field work as their fathers, husbands, brothers and lovers. That is one striking peculiarity of the place.*¹²⁰

Secara keseluruhannya, kegiatan ekonomi masyarakat Melayu Kelantan sebelum abad ke-20 sama ada kegiatan ekonomi pertanian, penangkapan

ikan atau aktiviti perdagangan, adalah merupakan kegiatan yang lebih mementingkan aspek yang berhubung dengan sosiobudaya berbanding dengan kepentingan ekonomi.¹²¹ Bagaimanapun kenyataan ini adalah merujuk kepada sifat umum masyarakat Melayu Kelantan, dan ianya tidak berkaitan dengan kegiatan yang lebih moden yang dijalankan oleh pembesar atau pentadbir jajahan.¹²²

TERENGGANU

Menjelang tahun 1830, Terengganu sudah pun terkenal kerana hubungan dagang dengan China. Masyarakat Cina yang besar di Terengganu mempunyai seorang Kapitan Cinanya sendiri.¹²³ Menurut Munsyi Abdullah yang melawat Terengganu pada tahun 1836, Kapitan Cina tersebut fasih berbahasa Melayu dan memakai pakaian Melayu. Individu yang terkaya di Kuala Terengganu pada ketika itu ialah Ah Cheng Koh dengan kekayaan bernilai antara \$20,000 hingga \$30,000. Beliau kemudian memeluk agama Islam dan memakai nama Salleh.¹²⁴

Sultan Omar terus menggalakkan lagi perdagangan luar Terengganu dengan mengeksport emas, bijih timah, kopi, lada hitam, pinang, rotan dan damar. Kain songket merupakan perusahaan tempatan yang popular. Sultan Omar juga menggalakkan lebih ramai tukang-tukang mahir dari negeri-negeri lain untuk menetap di Terengganu bagi mengajar dan memperbaiki hasil pertukangan rakyat negerinya. Baginda juga telah mengarahkan pelombong-pelombong emas di Ulu Nerus dan pelombong-pelombong bijih timah di Kemaman untuk memperbanyakkan lagi bekalan mereka bagi tujuan eksport. Hasil import Terengganu pada masa ini termasuklah candu, barang-barang buatan British dan China.¹²⁵

Kawasan pesisir pantai yang menganjur dari Chukai, Kemaman, di selatan ke Dungun di utara adalah kawasan yang sudah lama didiami orang Melayu. Dalam pelayaran dari Singapura ke Kelantan pada tahun 1838, Abdullah Abdul Kadir Munsyi mencatatkan keadaan petempatan orang Melayu di Pantai Timur yang tidak tersusun dan daif.¹²⁶ Petempatan yang dimaksudkan itu termasuk Kuala Dungun, Chukai, Paka, Kemasik, Kerteh dan Kijal. Pada zaman penjajahan British, petempatan itu yang terletak jauh dari Pantai Barat tidak banyak terpengaruh oleh aktiviti ekonomi, khususnya yang dimodali pelabur Eropah. Dominasi orang Melayu di bandar-bandar kecil itu berterusan

sehingga Perang Dunia Kedua.¹²⁷ Kebanyakan mereka menjalankan aktiviti menangkap ikan dan bertani pada zaman penjajahan British, walaupun ada juga yang berniaga secara kecil-kecilan di pekan-pekan berdekatan. Corak kehidupan dan sistem petempatan mereka tidak banyak berubah sehingga Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.¹²⁸

KAWASAN UTARA SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Mulai kurun pertama Masihi muncul beberapa buah kerajaan awal di utara Semenanjung Tanah Melayu. Antara kerajaan-kerajaan itu ialah P'an-p'an, Tun-sun, Chu-tu-kun (Tu-kun) dan Chih-tu, Lang-ya-shiu, Chieh-cha, Chia-lan-tan, Ho-lo-ton, Fo-lo-an, Peng-keng dan Takola.¹²⁹ Di bekas tapak-tapak kerajaan awal itu kemudiannya lahir kerajaan baru di abad-abad selepas abad ke-13 Masihi iaitu kerajaan Yala, Nara, Patani, Satun, Sainburi, Teluban, Reman, Legeh, Kelantan, Perlis, Kedah, Terengganu dan Pahang. Perbezaan di antara kerajaan awal dan kerajaan baru ialah amalan agama iaitu yang awal mengamalkan agama Hindu dan Buddha dan yang baru mengamalkan agama Islam.¹³⁰ Kawasan wilayah utara Semenanjung Tanah Melayu merupakan kawasan yang mempunyai penduduk yang terawal dan terbesar jika dibandingkan dengan kawasan di selatan. Pembentukan tamadun dan wilayah berlaku di kawasan itu terlebih dahulu daripada kawasan selatan. Masyarakat di kawasan ini mencerminkan masyarakat satu baka yang melalui pengalaman yang sama tanpa batasan sempadan sehingga kedatangan British.¹³¹

Ramai sejarawan menganggap Kedah sebagai negeri yang tertua sekali di Semenanjung Tanah Melayu.¹³² Bentuk dan kegiatan ekonomi penduduk Kedah di zaman silam dapat 'disusurgalurkan' dari pola dan bentuk petempatan serta sistem pemerintahan pada satu-satu era ketika itu. Aktiviti ekonomi di Kedah mula berkembang dengan kawasan perdagangan seperti Lembah Bujang, Sungai Mas, Langgar dan Limbong Kapal. Kedudukan Kedah yang terletak di pintu masuk Selat Melaka serta berpandukan Gunung Jerai menjadikan ia strategik untuk aktiviti perdagangan melalui jalan laut. Lokasi Kedah yang terletak di antara dua tamadun besar iaitu China dan India telah menjadikannya berperanan penting sebagai pusat tukaran (entrepot). Perdagangan Kedah boleh dibahagikan kepada dua era yang utama

iaitu sebelum kedatangan agama Islam dan zaman Kesultanan Kedah.¹³³

Sebelum Islam berkembang di dunia Melayu, Kedah terkenal dengan tamadun Lembah Bujang yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha di bawah kerajaan Sriwijaya. Dalam era ini, perdagangan Kedah lebih tertumpu ke selatan negeri. Dalam abad ke-13 dan 14, kedudukan Kedah sebagai pusat ekonomi pelabuhan mula merosot dengan kemunculan Melaka sebagai kuasa ekonomi yang menjadi tumpuan para pedagang dari Timur ke Barat. Melaka juga menjadi kuasa yang kuat hingga mampu mencabar Siam. Pengaruh Siam berkembang ke Kedah dan negeri ini dijadikan benteng bagi mengekang penguasaan Melaka. Pelabuhan Kedah kemudian lebih penting sebagai pusat pertahanan berbanding perdagangan. Zaman Kesultanan Kedah pula menyaksikan Kedah berhadapan dengan kuasa luar seperti Belanda, Bugis dan Portugis. Hubungan Kedah dengan Belanda lebih bersifat ekonomi berbanding hubungan Kedah dengan kuasa luar yang lain.¹³⁴

Rekod terawal menunjukkan Belanda membeli bijih timah dari Kesultanan Kedah pada tahun 1606. Bagaimanapun, perjanjian perdagangan hanya ditandatangani pada 6 Julai 1641. Menjelang bulan Jun 1642, Sultan Rijaluddin (1626-1651) membenarkan Syarikat Hindia Timur Belanda membeli separuh keluaran bijih timah, lembu, kerbau, gajah, lada dan lain-lain keluaran Kedah. Sebagai balasan, Belanda dikehendaki memberi bantuan ketenteraan apabila diperlukan.¹³⁵ Selain itu, keadaan ekonomi Kedah dapat dilihat semasa pemerintahan Sultan Abdullah. Dalam era ini, hasil perdagangan Kedah dianggarkan daripada \$136,000 merosot kepada \$80,000 pada tahun 1870-an.¹³⁶ Kedah kemudiannya muncul sebagai pengeksport bebas utama ke Pulau Pinang.

Monopoli perdagangan beras sebelum permulaan abad ke-20 terletak di tangan Sultan dan golongan bangsawan.¹³⁷ Pada tahun 1864, misalnya jumlah eksport beras Kedah ke Pulau Pinang bernilai \$10,000.¹³⁸ Beras ini akan dieksport semula ke China.¹³⁹ Kegiatan mengeksport bekalan beras ke luar negeri giat dijalankan di beberapa pelabuhan utama di seluruh Kedah seperti Kuala Kedah, Kuala Muda dan Pulau Langkawi.¹⁴⁰ Ini mendorong kemasukan modal luar, khususnya dari Pulau Pinang untuk memastikan bekalan beras yang berterusan.¹⁴¹ Sebahagian besar daripada pemodal-pemodal ini terdiri daripada orang Cina. Pemodal ini kemudiannya memperoleh hak monopoli membeli daripada Sultan melalui sistem pajak.¹⁴² Bagi meningkatkan jumlah bekalan padi, para petani Melayu digerakkan supaya memasuki

jaringan komersial pemegang pajak melalui kaedah berhutang.¹⁴³

Para pembesar yang mendapat konsesi membina terusan perairan sawah di Kedah turut dikatakan mendapat pembiayaan melalui pinjaman daripada para pemodal Cina atau ceti Pulau Pinang. Kepentingan padi dalam ekonomi Kedah bukan sahaja boleh dilihat dari perdagangan eksportnya tetapi dalam Undang-Undang Kedah 1893.¹⁴⁴ Daripada empat kanun, dua secara langsung mencerminkan kepada pertanian negeri. Kanun kedua (Undang-Undang Datuk Seri Paduka Tuan tahun 1667) menyentuh tentang pelbagai aspek pertanian, khususnya mengenai tanaman padi sawah. Di samping itu, penekanan terhadap pembinaan terusan yang penting untuk tujuan pengairan telah menunjukkan kepentingan ekonomi pertanian ini.¹⁴⁵

Selain padi, para pemodal Cina dari Pulau Pinang turut terlibat dengan penanaman ubi kayu, khususnya di selatan Kedah.¹⁴⁶ Kepentingan tanaman ubi kayu kepada ekonomi Kedah berkekalan sehingga tahun 1899. Sultan Kedah banyak memberi konsesi tanah untuk ladang ubi kayu menerusi sistem pajak kepada pengusaha asing yang terdiri daripada orang Cina dan Eropah.¹⁴⁷ Bagaimanapun dengan kemasukan getah, penanaman ubi kayu mengalami kemerosotan.¹⁴⁸ Para pemodal Pulau Pinang turut terlibat dalam sistem pajak pertanian di Kedah, khususnya di Kulim dan Kuala Muda.¹⁴⁹ Walaupun Kedah tidak dijajah oleh British sehingga tahun 1909, tetapi hubungan ekonominya dengan sistem ekonomi kapitalis sudah bermula lebih awal lagi terutamanya melalui hubungan dengan Pulau Pinang.¹⁵⁰

Keadaan sistem ekonomi masyarakat Melayu di Kedah adalah berbeza dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Kenyataan ini telah dikemukakan oleh Mohd. Isa Othman yang mendapati Kedah lebih cenderung mengamalkan sistem ekonomi yang bersifat komersial dan ini adalah berbeza dengan negeri-negeri Melayu lain yang ketika itu masih mengamalkan ekonomi bersifat separa tradisional.¹⁵¹ Pada peringkat awal, Pulau Pinang menawarkan pasaran untuk beras, lembu, ayam, itik dan hasil pertanian lain dari Kedah.¹⁵² Para pemodal Pulau Pinang juga sudah membuat pelaburan terutamanya pedagang Cina. Berhubung dengan peranan modal dari Pulau Pinang, seorang pegawai British mengulas,

*Whilst, however, Kedah is politically an independent state under the suzerainty of Siam, commercially it is a mere independency of Penang. Every dollar of capital invested in it has come from Penang and all its Chinese traders are connected with Penang Firm.*¹⁵³

Berdasarkan keadaan ini, kegiatan ekonomi rakyat Kedah bukanlah bersifat sara diri sebaliknya mempunyai ciri-ciri ekonomi komersial walaupun pembabitan mereka bukanlah secara besar-besaran. Malah, hubungan luar dengan Pulau Pinang turut menyebabkan Kedah terheret dalam kancah ekonomi komersial.

SIFAT EKONOMI MASYARAKAT MELAYU

Sebahagian besar tulisan dan rujukan tentang aktiviti ekonomi orang Melayu pada sekitar abad ke-19 mentakrifkan bentuk ekonominya sebagai bersifat sara diri yang berkeadaan tertutup, secara tradisional, kurang berdaya saing dan hasil pengeluarannya berskala kecil yang berada pada tahap produktiviti yang rendah.¹⁵⁴ Pandangan ini tidak jauh berbeza dengan pandangan J.M. Gullick, seorang sarjana Barat yang berpendapat bahawa sistem ekonomi Melayu bersifat separa sara diri di mana mereka hanya mampu menghasilkan sumber pengeluaran untuk keperluan diri dan keluarga. Manakala bakinya pula dijual untuk mendapatkan wang serta barang keperluan lain yang tidak dapat dihasilkan oleh mereka sendiri.¹⁵⁵

*The villager bought and sold goods for money, with the result that he lived in an exchange economy in which money and prices expressed in money were part of his culture. Nonetheless, a typical village produced a great deal of what it consumed and it had a semi-subsistence economy, in which rice and other local foodstuffs were the essential basis of living.*¹⁵⁶

Jika ada interaksi dengan dunia luar, ia adalah secara kecil-kecilan dalam bentuk pertukaran untuk mendapatkan barang keperluan seperti garam, peralatan besi dan tekstil:

*In the nineteenth century, there was little specialization in the Malay peasant economy and the typical Malay village produced a great deal of what it consumed. The peasant's life revolved around the river, the forest and a small area of land near his dwelling. His landholding was small – averaging two acres in some states. The basic production unit was the family, engaged in mainly subsistence agriculture, in which rice and other local foodstuffs were essential items. A certain amount of produce was exchanged for such necessary goods as salt, ironware and textiles.*¹⁵⁷

Seorang lagi sejarawan yang telah mengkaji tentang golongan petani dan ekonomi pertanian juga sealiran pendapat tentang interpretasi bahawa ekonomi pertanian Melayu adalah berbentuk sara diri:

*Peasant agriculture was traditionally a subsistence activity. The peasant cultivator worked on a small area and possessed a simple level of technology. Occasionally he obtained a large crop above the normal requirements of his household...*¹⁵⁸

Sebaliknya, ada satu lagi kumpulan tulisan yang menggunakan istilah dan konsep Marxist untuk menerangkan bentuk ekonomi orang Melayu menjelang permulaan abad ke-20. Tulisan-tulisan tersebut berbeza dari sudut 'mengkonsepkan' idea yang diambil daripada bidang antropologi dan sosiologi khususnya.¹⁵⁹ Misalnya, menurut Shaharil Talib yang mengemukakan pendapatnya tentang ekonomi pertanian orang Melayu di Kelantan pada abad ke-19:

*Given the fragmentation of villages scattered over a vast country-side, economic self-sufficiency, and limited division of labour, the simple organization of production in these self-sufficient communities constantly reproduced themselves in the same form. The agricultural producers of Kelantan lived in a natural economy where production was essentially for use value. This type of economy is opposed to the capitalist economy where commodity production is predominant. Although surplus was produced in the natural economy it was used for production in the next season for a wide variety of communal feasts and payment of tribute or the upper class. Generally rice was obtained from huma (hill padi) and wet padi cultivation. Other additional requirements were obtained from dusun (fruit orchards), forest collecting, hunting and fishing.*¹⁶⁰

Namun begitu, ini tidak bermakna tidak ada pendekatan lain tentang corak ekonomi orang Melayu, khususnya berdasarkan pertanian pada abad ke-19. Cant, misalnya berpendapat bahawa pada tahun 1880-an, ekonomi sara diri orang Melayu di Pahang tidak lagi berfungsi dengan sepenuhnya disebabkan tarikan perdagangan yang berpunca daripada permintaan Singapura terhadap beberapa hasil keluaran orang Melayu Pahang:¹⁶¹

*In the 1880's the Malay subsistence economy had broken down to much greater extent than some contemporary writers realized... Well before 1888 the subsistence economy had been broken down by the Singapore demand for jungle produce and alluvial gold. ... when Swettenham passed through Ulu Pahang in 1885 the Malays there were using rice imported from Kelantan. In years when the padi crops were good, less jungle produce was collected. If the crops failed, their efforts to collect jungle produce were intensified, sometimes to the point where they neglected to prepare for the next padi crop.*¹⁶²

Terdapat juga di tempat lain kegiatan pertanian sara diri tidak begitu jelas atau tidak penting.

Misalnya di Mukim Mawar di Selangor, antara pelbagai tanaman, kelapa merupakan tanaman terpenting yang mendominasi ekonomi mukim tersebut. Keadaan ini dikatakan telah berlaku sebelum pentadbiran British.¹⁶³ Namun begitu, diakui bahawa kes ini adalah terlalu terpencil dan *localized* sifatnya.¹⁶⁴ Shamsul A.B. dalam penulisannya berpendapat bahawa:

...it can be argued that the majority of Mawar peasants at least after 1850's were no longer totally involved in production simply for subsistence. They were increasingly involved in commodity production, but not necessarily in the full capitalist sense...¹⁶⁵

Pengenalan sistem ekonomi antarabangsa yang agak terbuka telah berlaku pada zaman sebelum kedatangan kuasa Barat lagi. Ini kerana sudah terdapat *native traders* di perairan alam Melayu. Antara buktinya, pada zaman Laksamana Paduka Abdul Jalil (1670-an hingga 1690-an), Riau telah berkembang menjadi pusat perdagangan yang pesat. Di samping itu, rakyat jelata kerajaan-kerajaan warisan Kesultanan Melayu Melaka telah menjalankan kegiatan perdagangan di merata di luar lingkungan atau wilayah kehidupan mereka. Sumber-sumber China dan Eropah mencatatkan pelbagai kumpulan etnik yang berada di bawah warisan Kesultanan Melayu Melaka telah menjalankan perdagangan dari Patani, Kemboja hingga ke Sulawesi, Jawa dan Laut Maluku.¹⁶⁶ Dari tahun 1850-an, satu bentuk ekonomi antarabangsa telah pun timbul dan di Asia Tenggara, penyerapan ke dalam rangkaian perdagangan dunia sudah pun nyata:

...many of the states of Southeast Asia were heavily involved in international trade in the pre-colonial era. It is therefore not surprising that they responded rapidly to the trading opportunities presented by their more complete integration in to the world economy following the establishment of direct colonial rule in the 19th century.¹⁶⁷

Integrasi dengan ekonomi antarabangsa telah membuka satu jalinan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan kawasan-kawasan lain. Rentak dagangan ini meningkat perlahan-lahan dan berbeza antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Umpamanya di Kelantan pada abad ke-19, kegiatan dan rangkaian perdagangan telah berkembang dan menjalar hingga ke kawasan pedalaman:

Trade too was an essential part of Kelantan economy, more so in the nineteenth century when usury and merchant capital stimulated by the presence of Singapore, Bangkok and to a limited extent Penang made inroads into the countryside. Trade networks

at the local and regional level were an established feature in Kelantan society...¹⁶⁸

Khoo Kay Kim juga ada menyentuh tentang kegiatan perdagangan di Rembau pada sekitar abad ke-19 seperti berikut:

...Rembau, especially Chembong and its immediate vicinity, became better known for its trade in timber, damar and wax which were bartered for opium, cloths, iron utensils and tobacco.¹⁶⁹

Apabila perdagangan meluas di Asia Tenggara, kurang tepat jika dikatakan bahawa pengaruh perdagangan itu tidak menembusi ekonomi yang dikatakan bersifat sara diri. Soalnya adalah sejauh manakah kesan perdagangan telah menukar sikap orang Melayu yang ketika itu berpaut pada pertanian yang berasaskan penanaman padi? Di sini perlu dilihat tentang kaitan antara perdagangan di pelabuhan dan pusat perniagaan dengan perdagangan dalaman. Barang dagangan yang keluar dan masuk dalam ekonomi Melayu lazimnya dikawal oleh kelas diraja dan aristokrat, terutama melalui sistem cukai yang wujud ketika itu.¹⁷⁰ Corak perdagangan tempatan ini sebenarnya menghubungkan dunia luar dan ekonomi orang Melayu pada kurun ke-19 khususnya. Tidak hairanlah jika didapati bahawa pada masa itu, ekonomi pertanian orang Melayu jauh sekali dari mencukupi. Misalnya, beras diimport di sesetengah kawasan yang kekurangannya, manakala garam, ikan kering, candu, minyak, kelapa serta bahan-bahan tekstil merupakan barang-barang dagangan yang utama.¹⁷¹

Tambahan pula di samping itu, industri perlombongan bijih timah sedang berkembang dengan pesatnya di negeri-negeri Melayu dan memaparkan ciri-ciri ekonomi kapitalis terutama dari sudut kawalan modal dan buruh. Walaupun orang Melayu tidak bekerja atau terlibat secara langsung dengan kerja-kerja melombong di lombong kepunyaan orang Cina, namun peranan orang Melayu jelas kelihatan dari sudut pembekalan barang keperluan yang dibeli oleh tuan punya lombong.¹⁷² Ini ternyata di Muar:

“...tetapi orang-orang Melayu tempatan sendiri ada menjual barang-barang keperluan seperti beras kepada pelombong-pelombong Cina...”¹⁷³

Ini menunjukkan satu contoh perdagangan dalaman yang sudah wujud pada kurun ke-19. Lagipun, adalah tidak munasabah masyarakat Melayu di kawasan perkampungan tidak memberi reaksi kepada dunia luar yang mula berkembang menjelang tahun 1870-an hingga tahun 1890-an. Gullick dalam penulisannya telah menonjolkan

bagaimana beberapa orang Melayu pada abad ke-19 telah berkecimpung dalam perniagaan.¹⁷⁴ Walaupun takrif usahawan yang digunakan oleh penulis masih boleh dipertikaikan, yang penting adalah hakikat bahawa bilangan peniaga Melayu ketika itu kecil, sudah wujud satu kelas peniaga yang aktif.¹⁷⁵ Satu lagi contoh pertukaran dengan dunia luar dapat dilihat di Kedah. Dalam kajiannya, Afifuddin Hj. Omar menyatakan bagaimana orang Melayu di negeri itu menggunakan lebihan padi yang dikumpul untuk dijual bagi mendapatkan garam, tembakau dan pakaian.¹⁷⁶

Satu lagi sudut yang menyaksikan penglibatan orang Melayu dalam perdagangan adalah dengan melihat senarai barang yang dibawa keluar dari sesuatu tempat.¹⁷⁷ Contohnya di Padang (antara Muar dan Batu Pahat) pada abad ke-19, dinyatakan bahawa kapal dan sampan yang meninggalkan kawasan tersebut didapati penuh dengan barang-barang yang dihasilkan oleh orang Melayu selain bijih timah dan ikan kering yang dikeluarkan oleh orang Cina:

*The number of boats which left Padang in the same month was fourteen, that is twelve to Malacca, one to Singapore and one to Johore Bahru. Their cargoes were of tin.. Waxgourds, shagreen, various sorts of dried fish, durians, cooking bananas, coconuts, areca-nuts and pumpkins...*¹⁷⁸

Perlu juga ditekankan di sini tentang peranan orang Melayu dalam industri perlombongan pada abad ke-19. Adalah diakui umum bahawa imigran Cina dibawa masuk oleh British pada abad ke-19 secara beramai-ramai untuk memulakan industri bijih timah di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Penglibatan imigran Cina di negeri-negeri tersebut boleh dikesan dengan jelas hanya dari tahun 1840-an.¹⁷⁹ Namun Winstedt menerangkan bahawa orang Melayu sudah lama menghasilkan bijih timah seperti di Melaka, Pahang, Johor, Klang, Perak dan Sungai Ujong sejak abad ke-15.¹⁸⁰ Sebahagian dari sebab mengapa sumbangan orang Melayu dalam sektor ini dianggap sangat kecil dan tidak merangsangkan boleh dikesan pada kenyataan oleh seorang sarjana yang terkenal:

*Moreover, the Malays were only part-timer miners, and their method of mining and smelting was clumsy and uneconomical. They had neither the commercial shrewdness nor the attitude for hardwork so essential for the success of any business undertaking.*¹⁸¹

Walaupun dengan menggunakan kaedah melombong dan melebur yang dikatakan tidak baik dan tidak ekonomi, pelombong Melayu telah

menghasilkan banyak bijih timah kepada dunia selama beratus-ratus tahun. Teknik pengeluaran dan output daripada lombong-lombong kepunyaan orang Cina dari abad ke-19 hanya merupakan satu fasa yang baru pada kontinum yang sama.¹⁸² Setelah pelombong Cina datang ke Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-19, masih ada orang Melayu yang mengerjakan lombong-lombong mereka secara besar-besaran di daerah Kinta¹⁸³ dan Selama¹⁸⁴ di Perak, serta Terangganu.¹⁸⁵ Walaupun aktiviti komersial sukar dianggar dari sudut statistik dan hingga kini buktinya masih berselerak serta tidak banyak, satu hakikat yang timbul adalah orang Melayu tidak langsung terpisah daripada arena perdagangan komersial.¹⁸⁶

Terdapat juga persoalan sama ada pentadbiran British telah mengubah sistem ekonomi orang Melayu. Ini kerana British didapati tidak mengubah sistem politik mereka.¹⁸⁷ British cuma mengubah corak pelaksanaan pentadbiran dan politik masyarakat Melayu tanpa mengganggu sistem yang telah diamalkan. Dari segi ekonomi, British cuma memperkenalkan pembaharuan serta perubahan dalam sistem yang telah sedia ada dalam masyarakat Melayu.¹⁸⁸ Berhubung dengan sikap atau pandangan British terhadap masyarakat Melayu, didapati mereka mengakui kerajinan serta kesungguhan masyarakat Melayu dalam melakukan sesuatu pekerjaan. A.S. Haynes yang menjadi penasihat British di Kelantan pada tahun 1932 telah menyatakan:

*“Kelantan is the one pre-eminently Malay state in the Peninsula: and as the Malay of the states are good workers being both industries and adaptable and capable of long hours and the heavy work..... The Malay is quite capable of performing all work required in the state: he is a good agricultural labourer; he is not only kind of labourer employed by the Public Work Department...”*¹⁸⁹

KESIMPULAN

Populasi utama penduduk semasa zaman prakolonial Semenanjung Tanah Melayu terdiri daripada masyarakat Melayu yang menetap di sekitar kawasan pedalaman, dengan kelompok mereka yang lebih besar menetap di kawasan yang berhampiran dengan laut atau di pinggir sungai. Kegiatan ekonomi masyarakat Melayu pada masa itu adalah bersifat jenis sara hidup yang mudah, berasaskan pada penanaman padi dan aktiviti perikanan. Penemuan artifak seperti tulang, batu dan sisa makanan penghuni di gua di rantau Asia

Tenggara termasuk di Malaysia telah menunjukkan adanya sebaran kebudayaan pada zaman prasejarah. Orang Melayu yang merupakan ahli pelayaran yang mahir telah membolehkan mereka berhubung dengan negara luar dalam urusan perdagangan. Sebelum kedatangan British, setiap negeri atau wilayah di Semenanjung Tanah Melayu adalah diperintah bebas oleh sultan atau rajanya yang tersendiri. Sebelum kuasa-kuasa Barat menguasai negeri-negeri Melayu pada abad ke-19, masyarakat Melayu amat aktif dalam kegiatan perdagangan di perairan Nusantara, terutamanya semasa zaman Kesultanan Melaka.

Sementara kajian-kajian yang diterbitkan oleh sarjana Barat lebih memberi penekanan terhadap negeri-negeri di kawasan Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, majoriti masyarakat Melayu pada masa itu tertumpu di kawasan Pantai Timur dan utara Semenanjung Tanah Melayu. Kajian ini menganalisis sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di kawasan Pantai Timur dan utara serta sifat ekonomi masyarakat Melayu era pra-kolonial. Masyarakat tradisional tempatan dilihat mempunyai kehidupan sosioekonomi yang tersendiri, dengan struktur politiknya berbentuk feodalisme serta terdiri daripada satu masyarakat tunggal sebelum kedatangan kolonialisme British.

NOTA

- ¹ Untuk maklumat lanjut mengenai definisi bangsa Melayu, sila lihat Haziyah Hussin, *Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau* dlm. *JEBAT* 31, 2004, hlm. 16-21. Lih. juga Frank Swettenham, *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*, Singapore, Graham Brash, 1984, hlm. 2. Lih. juga Mohd Faidz Mohd Zain, Jamaie Hj. Hamil, Mohd Rizal Mohd Yaakob & Mohamad Rodzi Abd Razak, *Pengaruh Nasionalisme Melayu Mewarnai Budaya Politik Melayu Dalam UMNO* dlm. *Jurnal Melayu* (7), 2011, hlm. 195-197. Lih. juga Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin, *Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim* dlm. *Jurnal Hadhari* Special Edition, 2012, hlm. 131-134. Lih. juga Mohamed Anwar Omar Din, *Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya* dlm. *Jurnal Melayu* (7), 2011, hlm. 15-16, 34-36. Lih. juga Shaharir Mohamad Zain, *Penyebaran Orang Rumpun Melayu Pra-Islam dan Perkembangan Tulisan Bahasa Melayu* dlm. *Sari* 21, 2003, hlm. 132-133.
- ² Surya Awang, *Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 1. Lih. juga Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita: Sejarah Pentadbiran dan Dasar Pembangunan*, Kuala Lumpur, Institut Tadbiran Awam Negara, 1980, hlm. 13.

- ³ Surya Awang, *Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 1. Lih. juga Fauziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam, Fajar Bakti Sdn Bhd, 2000, hlm. 121.
- ⁴ Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 234.
- ⁵ Ibid., hlm. 234. Lih. juga Pua Siew Pin, *Kehidupan Orang-Orang Melayu Di Zaman Jepun: Kajian Menerusi Novel-Novel Melayu Selepas Perang*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991, hlm. 6. Lih. juga Aziz Deraman, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1975, hlm. 94. Lih. juga Surya Awang, *Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 4.
- ⁶ Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 234. Lih. juga Iman Ahmad & Nora Samat, *Siri Teknologi Pertanian*, Kuala Lumpur, Jade Green Publications Sdn. Bhd, 2002, hlm. 1.
- ⁷ P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 22.
- ⁸ Surya Awang, *Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 4. Lih. juga Jawatankuasa Kolokium, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 12.
- ⁹ Surya Awang, *Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 5. Lih. juga Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Malaysia*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993, hlm. 43.
- ¹⁰ Surya Awang, *Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 4. Lih. juga Jawatankuasa Kolokium, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 9.
- ¹¹ Surya Awang, *Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 4. Lih. juga Fauziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam, Fajar Bakti Sdn Bhd, 2000, hlm. 126.
- ¹² Surya Awang, *Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 6.
- ¹³ Ibid., hlm. 7.
- ¹⁴ Ibid., hlm. 7. Lih. juga Fauziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam, Fajar Bakti Sdn Bhd, 2000, hlm. 127.

- ¹⁵ Lih. Nik Hasan Suhaimi bin Nik Abd. Rahman, *Kerajaan Melayu Tua di Utara Semenanjung*, Kertas kerja Simposium Wilayah Perbatasan Malaysia-Thailand, Anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Anwar Mahmud, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 16 Mac 1996, hlm. 3. Pada zaman Plestosen iaitu zaman air batu, Pentas Sanda dan Sahul timbul dan manusia boleh bergerak melalui Semenanjung Tanah Melayu ke Borneo, Jawa dan Sumatera dengan berjalan kaki dan tidak payah mengharungi laut seperti Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Jawa. Keadaan sedemikian berterusan sehingga berakhirnya zaman Plestosen.
- ¹⁶ Haziyah Hussin, *Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau* dlm. *JEBAT* 31, 2004, hlm. 26.
- ¹⁷ Nik Hasan Suhaimi bin Nik Abd. Rahman, *Kerajaan Melayu Tua di Utara Semenanjung*, Kertas kerja Simposium Wilayah Perbatasan Malaysia-Thailand, Anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Anwar Mahmud, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 16 Mac 1996, hlm. 7.
- ¹⁸ Haziyah Hussin, *Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau* dlm. *JEBAT* 31, 2004, hlm. 26. Lih. juga Nik Hasan Suhaimi bin Nik Abd. Rahman, *Kerajaan Melayu Tua di Utara Semenanjung*, Kertas kerja Simposium Wilayah Perbatasan Malaysia-Thailand, Anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Anwar Mahmud, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 16 Mac 1996, hlm. 4.
- ¹⁹ Haziyah Hussin, *Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau* dlm. *JEBAT* 31, 2004, hlm. 27.
- ²⁰ *Ibid.*, hlm. 27. Untuk maklumat lanjut mengenai buku-buku lama Cina yang mencatatkan tentang negeri-negeri Melayu, sila lih. Obaidallah Haji Mohamad, *Catatan-Catatan Dalam Sejarah Cina Mengenai Negeri-Negeri Melayu - Satu Tinjauan Umum*, Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu 1986, Anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 11-13 November 1986, hlm. 2-4.
- ²¹ Jabil Mapjabil, Nooriah Yusof & Ahmad Tharmizzie Mat Jusoh, *Transformasi Pembangunan Ekonomi di Negeri Kedah: Perspektif Historikal (Transformation of Economic Development in the State of Kedah: Historical Perspective)* dlm. *PROSIDING PERKEMV* (2), 2010, hlm. 172.
- ²² Haziyah Hussin, *Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau* dlm. *JEBAT* 31, 2004, hlm. 27.
- ²³ Hamidah Ab Rahman, Muhammad bin Daud & Norlin binti Ahmad, *Pembangunan Ekonomi Dalam Hubungan Etnik* dlm. Kassim Thukiman & Hamidah Abdul Rahman (pnyt.), *Hubungan Etnik di Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*, Skudai, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2009, hlm. 187.
- ²⁴ Carolina Lopez Caballero, *The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions* dlm. *Sari* 19, 2001, hlm. 7.
- ²⁵ Sieveking Slatseas, *A History of Malaysia*, Singapore, Longman Singapore Pte. Ltd., 1990, hlm. 6.
- ²⁶ P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 22. Lih. juga Ooi Jin Bee, *Land, People, and Economy in Malaya*, London, Ernest Benn, 1963, hlm. 162.
- ²⁷ Mohd Faiz Mohd Zain, Jamaie Hj. Hamil, Mohd Rizal Mohd Yaakob & Mohamad Rodzi Abd Razak, *Pengaruh Nasionalisme Melayu Mewarnai Budaya Politik Melayu Dalam UMNO* dlm. *Jurnal Melayu* (7), 2011, hlm. 201. Untuk maklumat lanjut mengenai sejarah asal-usul negeri-negeri Melayu, sila lih. Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 93-136.
- ²⁸ Mohd Faiz Mohd Zain, Jamaie Hj. Hamil, Mohd Rizal Mohd Yaakob & Mohamad Rodzi Abd Razak, *Pengaruh Nasionalisme Melayu Mewarnai Budaya Politik Melayu Dalam UMNO* dlm. *Jurnal Melayu* (7), 2011, hlm. 194.
- ²⁹ Abd Hamid Abd Majid, *Analisa Rangkaian Jalan Raya dan Kaitannya Dengan Pembangunan Ekonomi, Disertasi Diploma Perancang Bandar dan Wilayah*, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi Mara, 1980, hlm. 1.
- ³⁰ J.M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, The Athlone Press, London, 1958, hlm. 125. Lih. juga Carolina Lopez Caballero, *The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions* dlm. *Sari* 19, 2001, hlm. 20.
- ³¹ Hindia Timur merupakan istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada Kepulauan Melayu.
- ³² Mubin Sheppard, *Tanah Melayu yang Bersejarah*, Petaling Jaya, Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982, hlm. 6-7.
- ³³ P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 23.
- ³⁴ *Timur Jauh* merupakan istilah yang digunakan bagi merujuk pada negara-negara yang terletak di Asia Timur.
- ³⁵ Buerah Tunggak & Hussin Salamon, *Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Melayu-Islam Menerusi Pemupukan Budaya Niaga Berteraskan Akhlak* dlm. *Sari* 29 (2), 2011, hlm. 133-134.
- ³⁶ Khazin Mohd. Tamrin, *Tradisi Merantau: Perlunya Diberi Perhatian Dalam Kajian dan Penulisan Sejarah Malaysia* dlm. Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee (pnyt.), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 215. Lih. juga Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim, *Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang* dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(1), 2012, hlm. 165. Lih. juga Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 261.
- ³⁷ Untuk maklumat lanjut mengenai sejarah Kesultanan Melaka dari tahun 1402 hingga 1511, sila lih. Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu 1400-1959*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964, hlm. 8-15.
- ³⁸ Lih. P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 23. Lih. juga Tom Pires & Armando Cortesao (pnyt.), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Volume 2, London, Asian Educational Services, 1944, hlm. 285. Lih. juga Hamidah Ab Rahman, Muhammad bin Daud & Norlin binti Ahmad, *Pembangunan Ekonomi Dalam Hubungan Etnik* dlm. Kassim Thukiman & Hamidah Abdul Rahman

- (pnyt.), *Hubungan Etnik di Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*, Skudai, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2009, hlm. 187. Lih. juga Carolina Lopez Caballero, *The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions* dlm. *Sari* 19, 2001, hlm. 8. Untuk maklumat lanjut mengenai sejarah Kesultanan Melaka, sila lih. Mubin Sheppard, *Tanah Melayu yang Bersejarah*, Petaling Jaya, Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982, hlm. 15-23. Lih. juga Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 1-14. Lih. juga Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London, The Macmillan Press Ltd, 1982, hlm. 37-57. Kesultanan Melaka ditubuhkan sekitar tahun 1403 oleh seorang putera Melayu yang melarikan diri dari Palembang. Ia berkekalan selama kira-kira 100 tahun. Lih. juga Anon, *Melaka ditubuh 1262*, bukannya 1400 atau 1278? dlm. *Utusan Malaysia*, 31 Mei 2010. Keputusan memilih tarikh 1262 sebagai tarikh penubuhan dan pengasasan kerajaan Melayu Melaka diputuskan hasil kesepakatan menerima hasil kajian selama setahun oleh sepasukan penyelidik yang dilantik oleh kerajaan Melaka menerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP). Keputusan tersebut dicapai pada Seminar Tahun Pengasasan Kerajaan Melayu Melaka anjuran IKSEP bersama Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang telah diadakan pada 31 Mei 2010. Lih. juga R.S.N. Murali, *More Research needed on new date of Malacca Sultanate* dlm. *The Star*, 10 October 2011. Penemuan tersebut juga turut disahkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) yang membuat kajian terhadap perkara tersebut pada 10 Oktober 2011.
- ³⁹ J.M. Gullick, *Malaya*, London, Ernest Benn, 1963, hlm. 23. Lih. juga Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 9. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 45. Lih. juga Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim, *Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang* dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(1), 2012, hlm. 165.
- ⁴⁰ Mubin Sheppard, *Tanah Melayu yang Bersejarah*, Petaling Jaya, Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982, hlm. 19. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 45. Lih. juga Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu 1400-1959*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964, hlm. 5.
- ⁴¹ *Ibid.*, hlm. 5.
- ⁴² P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 23. Lih. juga Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 1. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 45. Lih. juga Arkib Negara Malaysia, *Perolehan Bahan-Bahan Mengenai Malaysia Sebelum dan Sekitar Tahun 1400 Masihi Yang Terdapat Di China, India, Timur Tengah (Tunisia, Turkey dan Mesir)*, t.tp., t.pt., t.th., hlm. 2-3.
- ⁴³ Untuk maklumat lanjut mengenai barang dagangan, sila lih. Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 7. Lih. juga Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu 1400-1959*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964, hlm. 7. Lih. juga Obaidallah Haji Mohamad, *Catatan-Catatan Dalam Sejarah Cina Mengenai Negeri-Negeri Melayu - Satu Tinjauan Umum*, Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu 1986, Anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 11-13 November 1986, hlm. 5. Chang Den Yi Dinasti Chin dalam sejarah Ming, jilid 325 berkenaan Melaka ada menyebut tentang barang keluarannya, iaitu bijih timah. Dalam buku Chiu Lin Dinasti Ming yang bertajuk Kuan Yi Dong Zhi jilid 118 mengenai negeri Melaka ada menyebut tentang barang-barang keluarannya seperti bijih timah, kain, sagu lada hitam, gading gajah, tanduk seladang dan beruang Tai Ma. Dalam buku Chen Yi San Dinasti Ming yang bertajuk Hai Guo Kuan Chi mengenai bahagian pengeluaran hasil tanaman negeri Melaka ada menyebut seperti sagu, labu, laici hitam, pisang, tebu, lada hitam, kajang, bawang, halia, sayur-sayuran, tembikai, pokok damar, kerbau, ayam api, bijih timah dan belerang.
- ⁴⁴ Mubin Sheppard, *Tanah Melayu yang Bersejarah*, Petaling Jaya, Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982, hlm. 19.
- ⁴⁵ Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 2, 45.
- ⁴⁶ R. Winstedt, *Malaya and its History*, London, Hutchinson, 1966, hlm. 35-37. Lih. juga Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 9, 93.
- ⁴⁷ P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 23.
- ⁴⁸ Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 106.
- ⁴⁹ Nik Anuar Nik Mahmud, *Duri Dalam Daging: Singapura Dalam Malaysia*, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia, 2001, hlm. 1.
- ⁵⁰ Surat yang dikirim oleh Sultan Mansor Shah kepada Raja Ryukyu memaklumkan terdapat seorang dua sama ada utusan dan jurubahasa dari Ryukyu yang berkelakuan tidak sopan dan balasan yang diterima dari Raja Ryukyu pula ialah mereka memang menyedari terdapat seorang daripada orangnya yang telah menyusahkan Melaka dan mereka telah pun mengambil tindakan terhadap pesalah itu. Raja Ryukyu juga meminta Melaka sentiasa melaporkan kepada mereka jika pada masa akan datang ada utusannya yang melanggar peraturan agar kerjasama dan tali persahabatan tersebut terus terjalin.
- ⁵¹ Lih. C.R. Boxer, *Sakoku or Close Country* dlm. *History Today* 7 (2), 1957, hlm. 80. Dasar tutup pintu (Sakoku) ialah dasar yang telah menyebabkan Jepun terpisah dari dunia luar selama 200 tahun.
- ⁵² Roszaima binti Rosdi, *Sejarah Perkembangan Kegiatan Pelaburan Jepun di Malaysia: Satu Penilaian*, Tesis Sarjana

- Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011, hlm. 28. Lih. juga Shamsul Amri Baharuddin & Zahra S. Abdullah, Keperluan Malaysia, Kepentingan Jepun Menjalinkan Hubungan Untuk Mencapai Sebuah Visi dlm. *Dewan Masyarakat* Ogos 1990, hlm. 17. Goshusen ialah “official passport with vermilion seal” atau kapal dagang yang disahkan oleh kerajaan Jepun. Kapal ini diberi keistimewaan sebagai wakil Jepun untuk berdagang di Asia Tenggara. Oleh itu jika pedagang-pedagang Jepun melakukan kesalahan seperti tidak mengikut peraturan perdagangan di pelabuhan yang dikunjungi maka pentadbir tempatan boleh membuat aduan kepada kerajaan Jepun.
- ⁵³ Untuk maklumat lanjut mengenai sebab-sebab kedatangan Portugis ke Asia Tenggara, sila liih. Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 15. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 57.
- ⁵⁴ Mubin Sheppard, *Tanah Melayu yang Bersejarah*, Petaling Jaya, Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982, hlm. 22. Lih. juga Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 13. Lih. juga Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London, The Macmillan Press Ltd, 1982, hlm. 37. Lih. juga Fong Wei Fun, Sistem Kapitalisme Di Tanah Melayu Sebelum Dan Selepas Dasar Imperialisme, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994, hlm. 38. Lih. juga Surya Awang, Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 8. Lih. juga Carolina Lopez Caballero, The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions dlm. *Sari* 19, 2001, hlm. 14.
- ⁵⁵ Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 19, 93.
- ⁵⁶ Ibid., hlm. 21. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 58.
- ⁵⁷ Belanda yang mempunyai hubungan yang baik dengan Portugis, merupakan pelanggan utama mereka dalam rempah ratus dan lain-lain barangan dari Timur, yang diedarkan ke seluruh bahagian utara benua Eropah. Bagaimanapun, pada tahun 1580 Portugal telah bergabung dengan Sepanyol di bawah pemerintahan Raja Philip II, yang merupakan seteru utama Belanda. Baginda telah melarang Belanda dari memasuki pelabuhan yang dikuasai Portugis. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 59.
- ⁵⁸ P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 23. Lih. juga J.M. Gullick, *Malaya*, London, Ernest Benn, 1963, hlm. 26-27. Lih. juga R. Winstedt, *Malaya and its History*, London, Hutchinson, 1966, hlm. 48.
- ⁵⁹ Mubin Sheppard, *Tanah Melayu yang Bersejarah*, Petaling Jaya, Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982, hlm. 26. Lih. juga Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 22. Lih. juga Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London, The Macmillan Press Ltd, 1982, hlm. 38. Lih. juga Surya Awang, Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 8. Lih. juga Carolina Lopez Caballero, The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions dlm. *Sari* 19, 2001, hlm. 14.
- ⁶⁰ P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 23-24. Lih. juga R. Winstedt, *Malaya and its History*, London, Hutchinson, 1966, hlm. 50-51. Lih. juga J.M. Gullick, *Malaya*, London, Ernest Benn, 1963, hlm. 57.
- ⁶¹ Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 38. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 81.
- ⁶² Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 38. Lih. juga Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London, The Macmillan Press Ltd, 1982, hlm. 101.
- ⁶³ Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 38.
- ⁶⁴ Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 81.
- ⁶⁵ P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 24. Lih. juga R. Winstedt, *Malaya and its History*, London, Hutchinson, 1966, hlm. 53. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 81. Lih. juga Fong Wei Fun, Sistem Kapitalisme Di Tanah Melayu Sebelum Dan Selepas Dasar Imperialisme, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994, hlm. 35.
- ⁶⁶ Tan Ding Eing, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1979, hlm. 39-40. Lih. juga Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*, Singapore, Times Books International, 1999, hlm. 79-81.
- ⁶⁷ P.J. Drake, *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited, 2004, hlm. 24. Lih. juga Fong Wei Fun, Sistem Kapitalisme Di Tanah Melayu Sebelum Dan Selepas Dasar Imperialisme, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994, hlm. 36.
- ⁶⁸ Mohd Samsudin, Azima Abd. Manaf & Shahizan Shaharuddin, Perkembangan Pengangkutan Marin Sekitar Pantai Timur Tanah Melayu Zaman Tradisional dan Zaman Pentadbiran British (The development of marine transport around the east coast of Malaya from the early age to the period of the British administration) dlm. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1, 2011, hlm. 31.
- ⁶⁹ Ibid., hlm. 31. Lih. juga B.A. Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Hong Kong, Macmillan Asian Histories Series, 1982, hlm. 21.

- ⁷⁰ Mohd Samsudin, Azima Abd. Manaf & Shahizan Shaharuddin, Perkembangan Pengangkutan Marin Sekitar Pantai Timur Tanah Melayu Zaman Tradisional dan Zaman Pentadbiran British (The development of marine transport around the east coast of Malaya from the early age to the period of the British administration) dlm. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1, 2011, hlm. 32.
- ⁷¹ Haziyah Hussin, Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau dlm. *JEBAT* 31, 2004, hlm. 34.
- ⁷² Mohd Samsudin, Azima Abd. Manaf & Shahizan Shaharuddin, Perkembangan Pengangkutan Marin Sekitar Pantai Timur Tanah Melayu Zaman Tradisional dan Zaman Pentadbiran British (The development of marine transport around the east coast of Malaya from the early age to the period of the British administration) dlm. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1, 2011, hlm. 32. Lih. juga Anthony Reid, An 'Age of Commerce' in Southeast Asian History dlm. *Modern Asian History* 24 (1), 1990, hlm. 7.
- ⁷³ Mohd Samsudin, Azima Abd. Manaf & Shahizan Shaharuddin, Perkembangan Pengangkutan Marin Sekitar Pantai Timur Tanah Melayu Zaman Tradisional dan Zaman Pentadbiran British (The development of marine transport around the east coast of Malaya from the early age to the period of the British administration) dlm. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1, 2011, hlm. 32. Lih. juga R.P. Anand, Practice in South-East Asia until 1600 and Modern law of the Sea dlm. *The International and Comparative Law Quarterly* 30 (2), 1981, hlm. 445.
- ⁷⁴ Mohd Samsudin, Azima Abd. Manaf & Shahizan Shaharuddin, Perkembangan Pengangkutan Marin Sekitar Pantai Timur Tanah Melayu Zaman Tradisional dan Zaman Pentadbiran British (The development of marine transport around the east coast of Malaya from the early age to the period of the British administration) dlm. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1, 2011, hlm. 33. Lih. juga Leong Sau Heng, Collecting Centres, Feeder Points and Entreport in the Malay Peninsula, 1000 B.C.- A.D. 1400 dlm. J. Kathirithamby Wells & John Villiers (pnyt.), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Deminise*, Singapore, Singapore University Press, 1990, hlm. 17-38.
- ⁷⁵ Mohd Samsudin, Azima Abd. Manaf & Shahizan Shaharuddin, Perkembangan Pengangkutan Marin Sekitar Pantai Timur Tanah Melayu Zaman Tradisional dan Zaman Pentadbiran British (The development of marine transport around the east coast of Malaya from the early age to the period of the British administration) dlm. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1, 2011, hlm. 33-34.
- ⁷⁶ Syed Othman Syed Omar, *Peradaban Melayu Wilayah Timur Dari Sudut Pandangan Sastera*, Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut Yang Ke-2, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dengan kerjasama Persatuan Sasterawan Negeri Terengganu (PELITA), Kuala Terengganu, Terengganu, 3-5 Oktober 2003, hlm. 1. Lih. juga Saad Shukri bin Haji Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, Pustaka Aman Press, 1971, hlm. 28.
- ⁷⁷ Syed Othman Syed Omar, *Peradaban Melayu Wilayah Timur Dari Sudut Pandangan Sastera*, Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut Yang Ke-2, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dengan kerjasama Persatuan Sasterawan Negeri Terengganu (PELITA), Kuala Terengganu, Terengganu, 3-5 Oktober 2003, hlm. 1. Lih. juga Abdul Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu I*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1963, hlm. 33-40.
- ⁷⁸ Syed Othman Syed Omar, *Peradaban Melayu Wilayah Timur Dari Sudut Pandangan Sastera*, Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut Yang Ke-2, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dengan kerjasama Persatuan Sasterawan Negeri Terengganu (PELITA), Kuala Terengganu, Terengganu, 3-5 Oktober 2003, hlm. 1.
